

# 'Muhyiddin, Shafie dipecat buat kenyataan luar Kabinet'

Najib dakwa pemecatan bukan disebabkan tak setuju isu 1MDB

Oleh Ahmad Johari Mohd Ali dan Siti Nurazlinee Azmi  
bhnews@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Presiden Parti Pribumi Bersatu Malaysia (BERSATU), Tan Sri Muhyiddin Yassin, dan Ketua Menteri Sabah, Datuk Seri Mohd Shafie Apdal, dipecat kerana mereka membuat kenyataan di luar Kabinet, berhubung isu 1Malaysia Development Berhad (1MDB).

Bekas Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak, mendakwa pemecatan Muhyiddin yang ketika itu memegang jawatan sebagai Timbalan Perdana Menteri pada 2016 bukan disebabkan tidak bersetuju dengan beliau (Najib) mengenai 1MDB.

Menurut Najib, pemecatan itu adalah kerana Muhyiddin menyuarakan rasa tidak puas hatinya kepada orang ramai dan bukan kepada Kabinet.

"Saya tidak pernah pecat men-

teri kerana dia tidak setuju tetapi kerana membuat kenyataan di luar," katanya ketika menjawab soalan balas Peguam Negara, Tan Sri Tommy Thomas, di Mahkamah Tinggi, di sini, semalam.

Terdahulu, Najib dalam keterangan bela diri dalam kes pecah amanah, rasuah dan pengubahan wang haram penyelewengan dana SRC International Sdn Bhd (SRC), berkata, kuasa Perdana Menteri di Malaysia adalah tidak mutlak.

Najib bersetuju dengan Thomas bahawa Perdana Menteri memegang kuasa besar dalam negara, termasuk dalam urusan melantik individu ke jawatan utama dalam syarikat yang berkaitan dengan kerajaan, bagaimanapun menegaskan bahawa kuasa itu ada hadnya.

Menjawab cadangan Thomas bahawa beliau memegang jawatan sebagai Menteri Kewangan ketika itu untuk membiayai dana kepada 1MDB dengan mengeluarkan jaminan kerajaan, Ahli Par-



Najib hadir pada prosiding bela diri dalam kes penyelewengan SRC di Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur, semalam. (Foto Hafiz Sohaimi/BH)

limen Pekan itu menjawab: "Tidak setuju."

**Thomas:** Saya cadangkan kamu menjadi Menteri Kewangan supaya kamu boleh menggunakan Perbendaharaan dan Kementerian Kewangan untuk mendapatkan dana supaya memberi pinjaman kepada 1MDB dengan mengeluarkan jaminan kerajaan? "

**Najib:** Saya tidak bersetuju.

**Thomas:** Sebagai Perdana Menteri, kamu tidak boleh melakukannya (menggunakan perbendaharaan untuk mendapatkan dana) tetapi sebagai Menteri Kewangan, kamu boleh berbuat demikian? "

**Najib:** Tidak setuju.

Sementara itu, Najib berkata, beliau hanya memberikan persetujuan secara tersirat bagi jaminan kerajaan terhadap pinjaman kedua oleh SRC daripada Kum-

pulan Wang Persaraan (Diperbandakan) (KWAP) berjumlah RM2 bilion pada 2012.

Najib kemudian disoal mengapa beliau melantik dirinya sebagai Menteri Kewangan sedangkan ketika itu sudah menjawat jawatan Perdana Menteri, Presiden UMNO dan Barisan Nasional.

Najib berkata, beliau berasakan mempunyai kemampuan untuk membangunkan ekonomi negara yang terbukti melalui pertumbuhan ekonomi dan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK), malah ia mengatasi empat 'Harimau Asia' yang lain.

"Ringgit ketika itu kukuh dan rakyat menikmati banyak faedah. Bukannya hendak bermegah-megah tetapi ia terbukti melalui pencapaian saya," katanya.

Ditanya apakah kelayakan yang ada sehingga beliau melantik diri sebagai menteri kewangan, Najib berkata beliau berpengetahuan dalam ekonomi negeri ketika menjadi Menteri Besar dan mempunyai minat untuk menambah ilmu dalam bidang ekonomi.

"Saya tidak nampak mengapa saya tidak boleh melantik diri sebagai Menteri Kewangan," katanya.

Thomas, bagaimanapun, berkata apa yang menjadi persoalan ialah bagaimana mungkin Najib boleh memegang dua jawatan besar dalam Kabinet.

Najib menjawab, beliau bukan perdana menteri pertama yang berbuat demikian, malah turut melantik Menteri Kewangan Kedua dan dua timbalan menteri.

Sementara itu, Najib kurang senang apabila Thomas bertanyakan soalan sama ada beliau (Najib) menyokong Tun Dr Mahathir Mohamad atau Tengku Razaleigh Hamzah bagi pemilihan Presiden UMNO pada 1988 yang mencetuskan krisis Perlembagaan.

"Perlu ke jawab soalan ini, Yang Arif soalan ini relevankah?" katanya.

Thomas berkata, jika soalan itu tidak dibantah peguam bela, maka Najib perlu menjawabnya.

Najib kemudian menjawab: "Ya, saya menyokong Tun Mahathir."